

14 APR 1997

Muhammad-Naib

MUHAMMAD TAIB TAK AKAN LEPASKAN JAWATAN NAIB PRESIDEN UMNO

SHAH ALAM, 14 April (Bernama) -- Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib yang melepaskan jawatan Menteri Besar Selangor mulai hari ini berkata beliau akan terus memegang jawatan Naib Presiden Umno dan anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Batang kali.

"Itu jawatan yang dipilih, biar ahli parti yang menentukan," katanya pada persidangan akhbar mengenai peletakan jawatannya sebagai Menteri Besar Selangor, di pejabatnya di Shah Alam hari ini.

Muhammad juga menegaskan beliau tidak sedikitpun berasa bersalah dalam kedua-dua pertuduhan mahkamah yang dihadapinya di Australia.

"Ada pihak cuba memburuk-burukkan nama saya dengan mengatakan pelepasan jawatan saya ini adalah kerana saya sendiri tahu saya bersalah," katanya.

Beliau menjelaskan beliau perlu melepaskan jawatan sebagai Menteri Besar Selangor kerana ia jawatan awam dan tindakannya itu atas dasar bahawa sebagai pemimpin Umno yang bertanggungjawab, beliau tidak rela mengaitkan parti dan kerajaan dengan kes mahkamah yang dihadapinya.

Sidang berita di Bilik Gerakan Negeri di tingkat 22 bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri itu dihadiri oleh kesemua wakil rakyat Barisan Nasional, Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor Datuk Haji Onn Ismail dan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Haji Hashim Meon serta para penyokong parti.

Turut hadir ialah isteri Muhammad Puan Sri Asbi Rohani Asnan.

Peletakan jawatan Muhammad diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno selepas mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi Umno Sabtu lepas.

Muhammad, 51, menghadapi dua tuduhan di mahkamah Australia -- satu daripadanya tidak mengisytiharkan wang tunai bernilai RM2.4 juta yang hendak dibawa keluar dari negara pada 22 Dis lepas. Beliau juga menghadapi tuduhan membuat perisytiharan palsu mengikut Seksyen 29 (3) Akta Laporan Urusniaga Kewangan Australia apabila hadir di mahkamah Brisbane Ogos ini.

Muhammad menegaskan bahawa apa yang dihadapinya hanyalah dua pertuduhan teknikal sahaja yang tidak kena-mengena dengan rasuah atau apa-apa kesalahan lain yang sama bentuknya.

"Saya akan membela diri saya di mahkamah Australia dengan sepenuh-penuhnya dan insya-Allah saya dapat menebus balik nama baik saya," katanya.

Muhammad yang kelihatan tenang, beberapa kali menegaskan beliau tidak mahu kesnya mengganggu usaha murni yang sedang dilaksanakan pucuk pimpinan negara untuk menjadikan Malaysia negara maju dan model kepada negara-negara lain.

Beliau juga berkata beliau telah menghadap Sultan Selangor pada Sabtu lepas bagi memaklumkan keputusannya melepaskan jawatan Menteri Besar.

Muhammad turut menafikan dakwaan akhbar Brisbane Courier Mail yang melaporkan kononnya beliau memiliki harta yang banyak di Australia.

Katanya beliau telah mengarahkan peguamnya untuk mengambil tindakan terhadap dakwaan yang beliau sifatkan sebagai tidak benar itu.

Muhammad juga meminta media tempatan supaya tidak memetik "sumber-sumber yang tidak berasas" daripada laporan media Australia kerana ia boleh merosakkan imej seseorang.

Mengenai penggantinya, Muhammad berkata perkara itu terserahlah kepada Dr Mahathir.

Dalam tempoh sehingga pelantikan baru itu, beliau berkata urusan pentadbiran negeri masih boleh berjalan seperti biasa di bawah barisan Exco

kerajaan negeri yang ada.

Bagaimanapun mesyuarat Exco mungkin tidak diadakan dan keputusan besar tidak dibuat, katanya.

Apabila ditanya mengapa beliau tidak mengambil cuti sahaja daripada melepaskan jawatannya, Muhammad berkata jika itu dilakukan sesiapa yang memangku jawatan Menteri Besar tidak akan dapat menumpukan sepenuh perhatian sebaliknya mungkin menunggu masa tempohnya berakhir.

"Berilah peluang kepadanya selaku Menteri Besar sepenuh masa, beri dia kuasa penuh. Bagi saya tidak ada part-time MB (MB sambilan)," katanya.

Majlis itu dihadiri dengan bacaan selawat diketuai oleh Setiausaha Politik beliau Datuk Haji Zainal Abidin Sarkom. -- BERNAMA

AZZ MNY NMO